

20 SEP 2002

BELANJAWAN-PENDAPATAN/I

PENGECUALIAN CUKAI BAGI FAEDAH PENDAPATAN DIPERLUASKAN

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Pengecualian cukai bagi faedah yang diperolehi oleh individu, unit amanah dan dana tertutup yang tersenarai akan diperluaskan kepada faedah yang diperolehi daripada sekuriti atau bon yang dikeluarkan oleh kerajaan; dan debentur, selain daripada saham pinjaman boleh tukar yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC).

Cadangan itu berkuatkuasa daripada tahun tafsiran 2003, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Kewangan dalam Belanjawan 2003 yang dibentangkan di Dewan Rakyat, di sini, hari ini.

Langkah itu adalah untuk terus menggalakkan pembiayaan menerusi sekuriti hutang swasta, katanya.

Pada masa ini, pendapatan faedah yang diperolehi daripada pelaburan dalam sekuriti hutang swasta terpilih oleh individu, unit amanah dan dana tertutup yang tersenarai dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Sekuriti hutang swasta seperti itu terdiri daripada sekuriti atau bon yang diterbitkan kerajaan; atau bon, selain daripada saham pinjaman boleh tukar yang diterbitkan oleh syarikat-syarikat awam tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur; atau bon, selain saham pinjaman boleh tukar yang diterbitkan oleh syarikat yang mendapat penarafan daripada Rating Agency Malaysia Bhd atau Malaysian Rating Corporation Bhd; atau Bon Simpanan Malaysia yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia. -- BERNAMA

MSL FR ZK